

RUU Sumbangan Politik akan dibentang

Secara dasar cadangan tersebut telah dipersetujui untuk dilaksanakan

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bersetuju

dengan cadangan pelaksanaan Dasar Penggubalan Rang Undang-Undang (RUU). Sumbangan Politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, skop dasar bagi RUU baharu berkaitan pengawalseliaan sumbangan politik itu dipersetujui untuk dibentangkan pada mesyuarat jemaah menteri.

Beliau berkata, ia perlu dibawa untuk perbincangan dengan ahli kabinet sebelum mengadakan sesi libat urus dengan parti-parti politik.

“RUU ini penting kerana sehingga kini tiada undang-undang atau peraturan yang mengawal selia pembiayaan politik. Ia dapat mengelakkan risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa melibatkan ahli politik yang memberi impak negatif kepada imej negara dan kerajaan,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Selain itu, menurut Ismail Sabri, mesyuarat turut memutuskan untuk memperkenalkan Pelan Tadbir Urus

Baik Nasional (MyGovernance) di semua agensi kerajaan termasuk badan berkanun kerajaan.

Jelas beliau, MyGovernance bertujuan meningkat dan memperkukuhkan keupayaan penyampaian perkhidmatan awam ke arah mencapai visi nasional serta menangani isu-isu kelemahan tadbir urus aspek kerajaan termasuk badan berkanun.

“Pelan ini adalah berdasarkan empat prinsip tadbir urus baik iaitu ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan. Satu jawatankuasa akan diwujudkan bagi pembangunan MyGovernance ini.

“Selaras dengan pembangunan, pengukuran tahap kualiti tadbir urus sesebuah institusi kerajaan akan dibuat melalui Malaysian Governance Index (MGI),” ujarnya.

Menurut beliau, mesyuarat turut bersetuju dengan pembangunan MyGovernance dan mengesyorkan supaya kajian serta sesi libat urus dilaksanakan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC).

“Ia perlu melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk dibincangkan dalam mesyuarat JKKMAR akan datang,” katanya.

Dalam masa sama, Ismail Sabri berkata, Pusat Pencegahan Jenayah



ISMAIL SABRI

Kewangan Nasional (NFCC) akan dijadikan sebagai agensi berpusat bagi pengurusan harta disita dan dilucut hak untuk membanteras jenayah kewangan serta mengekang ketirisan hasil kerajaan.

Menurutnya, keperluan menjadikan NFCC sebagai sebuah agensi berpusat adalah amat penting dan perlu

disegerakan.

“Sebanyak 26 daripada 53 akta berkaitan dasar pengurusan harta yang disita dan dilucut perlu diberi keutamaan untuk dipinda bagi melaksanakan dasar ini.

“Dasar pengurusan harta yang disita dan dilucut hak ini akan membolehkan agensi penguat kuasa lebih fokus kepada pelaksanaan siasatan bagi kes-kes jenayah, khususnya jenayah kewangan,” katanya.

Tambah beliau, mesyuarat itu turut membincangkan untuk melakukan kajian lebih mendalam terhadap pengasingan kuasa Pendakwa Raya dan Peguam Negara.

Menurutnya, perkara itu perlu dilakukan kerana ia melibatkan perlembagaan, undang-undang dan kewangan negara.

“Kerajaan sentiasa memastikan usaha menambah baik tadbir urus dan integriti bagi memerangi rasuah di negara ini,” katanya.